SIARAN AKHBAR

MAJLIS BERTAHLIL BAGI
AL-MAHRUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN
IBNI AL-MARHUM SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM
DAN AL-MARHUMAH DULI RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT
BINTI AL-MARHUM PENGIRAN BENDAHARA PENGIRAN ANAK ABDUL RAHMAN
SEMPENA BULAN RAMADHAN 1440H/2019M

KUBAH MAKAM DIRAJA, JALAN TUTONG
BANDAR SERI BEGAWAN
HARI ISNIN, 14 RAMADHAN 1440 BERSAMAAN DENGAN 20 MEI 2019

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan majlis bertahlil bagi Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman sempena bulan Ramadhan 1440H/2019M pada hari ini, 14 Ramadhan 1440 bersamaan dengan 20 Mei 2019, di Kubah Makan Diraja, Jalan Tutong.

2. Hadir di majlis ini ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.

3. Majlis dimulakan dengan membaca Surah Al-Fatihah seterusnya Surah Yassin dan bertahlil beramai-ramai bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang dipimpin oleh Yang Mulia Imam Haji Azrol Alim bin Haji Zaini, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tarikh : 14 Ramadhan 1440 / 20 Mei 2019
Rujukan : AMBD/COMMS/3